



جياتن كذا كيمن شرعية هليسيا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (41)
Takwim : 13 JamadilAwwal, 1425H
Tarikh : 01 Julai, 2004

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No.15 Tahun 2004

Rekod Kes-Kes Rayuan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 1 Tahun 2004 pada 8-9hb Jun 2004 bersamaan 19-20 Rabiulakhir, 1425H di Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan perkara-perkara yang perlu ada di dalam rekod rayuan kes mal atau jenayah mengikut susunannya sebagai penyelarasan penyediaannya oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah dan Perayu-Perayu ialah :-

1. Isi kandungan rekod rayuan adalah seperti berikut:-

	Rekod Rayuan Kes Mal	Rekod Rayuan Kes Jenayah
1.	Pliding	Kertas Pertuduhan
2.	Nota Keterangan	Nota Keterangan
3.	Hujah kedua belah pihak	Hujah kedua belah pihak
4.	Alasan Penghakiman	Alasan Penghakiman
5.	Notis Rayuan	Notis Rayuan
6.	Alasan Rayuan	Petisyen Rayuan
7.	Semua ekshibit dokumentar	Waran Tangkap/ Saman (yang mana berkenaan)
8.	Perintah /Perintah Penggantungan keputusan (jika ada)	Perintah penggantungan hukuman (jika ada)
9.	Senarai ekshibit bukan dokumentar (jika ada diserahkan simpan di ahkamah)	Bond jamin perlepasan sementara dari hukuman kerana menunggu rayuan (jika ada)
10.		Lain-Lain ekshibit dokumentar (jika ada)

2. Setiap rekod rayuan hendaklah diberi nombor muka surat secara berturutan.
3. Rekod rayuan hendaklah disediakan dalam salinan yang mencukupi seperti mana yang diarahkan oleh Mahkamah.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 8 Jun, 2004.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA 2004